

## GAYA BERFIKIR QUR'ĀNĪ DALAM PEMBENTUKAN INSAN TA'DĪBĪ

Wan Haslan bin Khairuddin<sup>1</sup>  
Jabatan Usuluddin, Akademi Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

wanhaslan@kuis.edu.my<sup>1</sup>

### ABSTRAK

Gaya, teknik, kaedah atau cara berfikir mempengaruhi tindakan dan menatijahkan perilaku yang baik atau buruk. Pelbagai masalah umat atau kebobrokan dikesan hasil dari kelemahan daya berfikir. Artikel ini akan membicarakan isu-isu perbincangan seperti “gaya berfikir Qur'ānī” atau gaya berfikir menurut al-Qur'an; “gaya berfikir jāhili” atau gaya berfikir negatif; dan “gaya berfikir insan ta'dībī” atau gaya berfikir insan cemerlang yang diidamkan. Metodologi yang diguna pakai dalam kajian ini ialah kajian analisis kandungan. Sumber primer yang menjadi asas dalam artikel ini ialah penulisan berkaitan teknik berfikir, pemikiran kreatif dan kritis serta penulisan-penulisan lain yang berkaitan. Kesimpulannya, artikel ini merumuskan bahawa perlunya penerapan mata pelajaran "pemikiran kreatif dan kritis" untuk para pelajar di setiap fakulti pengajian (bukan di fakulti pengajian Islam sahaja) kerana ia mampu mendorong mereka untuk menguji kebenaran sesuatu permasalahan agar tidak membentuk keputusan yang salah. Seterusnya para pelajar berkeupayaan memproses maklumat dan bakal menghasilkan pemikiran atau penemuan yang baru, asli dan kreatif.

**Kata kunci:** gaya berfikir, gaya berfikir menurut al-Qur'an, pemikiran kreatif dan kritis.

## PENDAHULUAN

Al-Qur'an merupakan rujukan utama dalam kehidupan umat Islam. Di dalam al-Qur'an dinyatakan secara jelas tujuan manusia diciptakan iaitu untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT (*al-Dhāriyāt* 51:26) dan menjadi khalifahtullah (i.i. pengganti yang bertanggungjawab menjalankan segala hukum Allah SWT) di muka bumi ini (*al-Baqarah* 2:30). Dalam soal ini, manusia telah dianugerahkan Allah SWT akal yang bukan sahaja membezakan mereka daripada haiwan bahkan sebagai syarat kelayakan khalifah yang bertanggungjawab membawa manusia taat kepada perintah Allah SWT dan memakmurkan bumi ini.

Dalam membimbing akal supaya dapat digunakan dalam bentuk yang baik dan tepat, al-Qur'an serius mengulang-ulangkan ayat-ayat berkaitan yang menggalakkan manusia supaya berfikir seperti penggunaan lafaz-lafaz "*tafakkur*", "*nazar*", "*tabaṣṣur*", "*tadabbur*", "*tafaqquh*", "*tadhakkur*", "*i'tibar*", "*ta'aqul*" dan "*tawassum*". Al-Qur'an juga turut menempelak golongan yang sesat dan tidak mahu menerima kebenaran sebagai golongan yang tidak berakal dan tidak mahu menggunakan akal (*al-A'rāf* 7:79). Ini bermaksud al-Qur'an menegaskan bahawa akal merupakan anggota terpenting dalam tubuh manusia yang mampu memandu manusia untuk mengenal pasti kebenaran dan kesesatan.

Manusia berbeza tahap pemikiran berdasarkan kepada tahap keimanan, kemampuan untuk fokus atau menumpukan perhatian, tahap pengetahuan dan ketidakasingan sesuatu perkara terhadapnya (Jamal Badi 2009: 2). Dalam hal ini, teknik berfikir yang sah dan efektif perlu wujud dalam setiap individu Muslim sebagai pembantu dalam memutuskan sesuatu permasalahan. Sekiranya kaedah atau teknik berfikir yang digunapakai sah dan tepat maka tindakan yang menyusul pasti memberi manfaat dan begitu juga sebaliknya. Justeru, artikel ini akan cuba melihat dan membincangkan "gaya berfikir Qur'ānī" atau gaya berfikir menurut al-Qur'an, seterusnya "gaya berfikir jāhili" atau gaya berfikir yang negatif dan akhirnya "gaya berfikir insan ta'dībī" atau gaya berfikir insan cemerlang yang diidamkan.

## GAYA BERFIKIR QUR'ĀNĪ

Gaya berfikir berkembang menurut perkembangan manusia dan peredaran masa. Di penghujung tahun 60an dan awal 70an, gaya berfikir bercambah lebih daripada 40 gaya berfikir. Antara gaya berfikir yang terkandung ialah pemikiran kreatif, kritikal, emosional, objektif, positif, visual, analogikal, metaforikal dan sebagainya. Sekiranya kita melihat dan mengkaji al-Qur'an, kita pasti akan mendapati bahawa al-Qur'an telah menggunakan gaya

berfikir yang pelbagai. Setiap gaya tersebut disampaikan dengan baik dan efektif untuk memenuhi tujuan-tujuan tertentu. Begitu juga meraikan kemampuan berfikir manusia yang pelbagai. Antara gaya berfikir al-Qur'an ialah (Jamal Badi 2009:33-68):

### **Pertama: Berfikir dengan persoalan**

Menanyakan persoalan merupakan salah satu dari alat yang sangat efektif dalam pengajaran dan pembelajaran kerana ia meningkatkan kemampuan berfikir dan membawa kepada lahirnya idea atau konsep baru. Al-Qur'an sering menyeru manusia supaya berfikir. Sebagai contoh, al-Qur'an memperkuatkan kepercayaan dengan persoalan: "*Bukankah Aku ini Tuhanmu?*" (*al-A'raf* 7:172). Dalam ayat yang lain, "*Adakah pencipta selain Allah yang dapat memberikan rezeki kepada kamu dari langit dan bumi?*" (*Fāthir* 35:3). Dalam ayat yang sama Allah SWT menyebutkan bahawasanya tiada Tuhan selain Allah yang dapat memberikan rezeki kepada makhluk di bumi ini.

### **Kedua: Berfikir dengan objektif**

Pemikiran objektif bermaksud pemikiran yang berasaskan kenyataan dan fakta sebenar tanpa dikuasai atau dipengaruhi oleh perasaan atau prasangka sendiri (Kamus Dewan 2007: 1092). Di antara seruan al-Qur'an dalam soal ini ialah ayat yang menyeru supaya mencari bukti sebelum menghukumkan sesuatu, "*Tunjukkanlah bukti kebenaranmu jika kamu adalah orang yang benar.*" (*al-Baqarah* 2:111). Tidak menghukumkan sesuatu berdasarkan prasangka, "*Dan kebanyakan mereka tidak mengikuti kecuali persangkaan saja. Sesungguhnya persangkaan itu tidak sedikitpun berguna untuk mencapai kebenaran.*" (*Yūnus* 10:36). Tidak menghukum sesuatu kerana perasaan, "*Dan janganlah sekali-kali kebencianmu kepada sesuatu kaum kerana mereka menghalang kamu dari Masjidil Haram, mendorongmu berbuat aniaya (kepada mereka).*" (*al-Māidah* 5:2).

### **Ketiga: Berfikir dengan positif**

Al-Qur'an banyak mendorong manusia untuk berfikir secara positif dan ianya banyak menyumbang dalam pemikiran positif. Di antaranya ayat yang menyeru supaya manusia tidak putus harap dari rahmat Allah SWT, "*Hai anak-anakku, pergilah kamu, maka carilah berita tentang Yusuf dan saudaranya dan jangan kamu berputus asa dari rahmat Allah. Sesungguhnya tidak berputus asa dari rahmat Allah melainkan kaum yang kafir.*" (*Yūsuf* 12:87). Ayat yang menyeru supaya bertawakal atau berserah kepada Allah SWT, "*Dan hanya*

kepada Allah sahajalah kamu bertawakal, jika kamu benar-benar orang yang beriman.” (*al-Mā'idah* 5:23) dan, “Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya.” (*Alī 'Imrān* 3:159).

#### **Keempat: Berfikir dengan hipotetikal**

Berfikir hipotetikal bersifat hipotesis. Gaya berfikir sebegini bertujuan meningkatkan intelek atau kemampuan berfikir manusia dengan mendedahkan permasalahan ke arah kebenaran. Dengan gaya ini kita akan melihat bagaimana al-Qur'an mampu meningkatkan tahap minda manusia kepada tahap yang terbaik. Sebagai contoh ayat yang ditujukan kepada golongan ateis, *Apakah mereka diciptakan tanpa sesuatu pun ataukah mereka yang menciptakan (diri mereka sendiri)? Ataukah mereka telah menciptakan langit dan bumi itu? Sebenarnya mereka tidak meyakini (apa yang mereka katakan).*” (*al-Tūr* 52:35-36). Dalam ayat ini al-Qur'an telah menolak jawapan mereka yang tidak percaya kepada Allah SWT Dengan menggunakan gaya berfikir hipotetikal, al-Qur'an mencabar jawapan mereka supaya dikukuhkan lagi dengan jawapan atau hujah yang lain. Gaya ini memberi jawapan yang jelas bahawa Allah SWT adalah Tuhan Pencipta. Selain menyanggah hujah yang ada, persoalan-persoalan yang dilemparkan dalam ayat ini bertujuan membuka minda mereka untuk menerima kebenaran.

#### **Kelima: Berfikir dengan rasional**

Berfikir rasional bermaksud berfikir berdasarkan taakulan, menurut pertimbangan atau fikiran yang wajar, waras (Kamus Dewan 2007: 1292). Al-Qur'an banyak menggunakan gaya atau kaedah ini dalam menetapkan keesaan Allah SWT seterusnya menetapkan bahawa Dia sahajalah yang berhak disembah. Antara ayat tersebut, *“Sekiranya ada di langit dan di bumi tuhan-tuhan selain Allah, tentulah keduanya itu telah rosak binasa. Maka Maha Suci Allah yang mempunyai 'Arsy daripada apa yang mereka sifatkan.*” (*al-Anbiyā'* 21:22). Ayat yang ditujukan kepada mereka yang tidak mempercayai Hari Akhirat, *“Dan Dialah yang menciptakan (manusia) dari permulaan, kemudian mengembalikan (menghidupkan)nya kembali, dan menghidupkan kembali itu adalah lebih mudah bagiNya.*” (*al-Rūm* 30:27). Dalam ayat lain, Al-Qur'an menyebutkan bahawa Tuhan Yang mampu menjadikan sesuatu tanpa sesuatu pastinya lebih mampu mengulang kejadian, *“Dia berkata: "Siapakah yang dapat menghidupkan tulang belulang yang telah hancur luluh? "Katakanlah: "Ia akan*

*dihidupkan oleh Tuhan yang menciptakannya kali yang pertama. Dan Dia Maha Mengetahui tentang segala makhluk.” (Yasin 36:78-79).*

### **Keenam: Berfikir dengan visual**

Berfikir visual ialah kemampuan berfikir dengan menghubungkan ia dengan imej atau bayangan. Dalam al-Qur'an, gaya berfikir begini banyak digunakan dalam ayat-ayat yang berkaitan situasi Hari Akhirat, Syurga dan Neraka. Berfikir dengan visual disifatkan sebagai salah satu kaedah dalam pembelajaran yang berkesan. Iaitu belajar sesuatu melalui imaginasi yang melampaui persepsi manusia yang biasa. Antara ayat yang menggambarkan suasana Hari Kiamat, *“Hai manusia, bertakwalah kepada Tuhanmu; sesungguhnya kegoncangan hari kiamat itu adalah suatu kejadian yang sangat besar (dahsyat). (Ingatlah) pada hari (ketika) kamu melihat kegoncangan itu, lalailah semua wanita yang menyusui anaknya dari anak yang disusunya dan gugurlah kandungan segala wanita yang hamil, dan kamu lihat manusia dalam keadaan mabuk, padahal sebenarnya mereka tidak mabuk, akan tetapi azab Allah itu sangat kerasnya.” (al-Haj 22:1-2).* Ayat yang menempelak golongan yang menjauhkan diri dari peringatan Allah SWT, *“Maka mengapa mereka (orang-orang kafir) berpaling dari peringatan (Allah)? Seakan-akan mereka itu keledai liar yang lari terkejut, lari daripada singa.” (al-Mudaththir 74:49-51).*

### **Ketujuh: Berfikir dengan metafora**

Metafora bermaksud pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkenaan sebagai perbandingan atau kiasan. (Kamus Dewan 2007: 1029). Diantara ayat berkaitan ialah ayat yang menyifatkan perbuatan buruk sebagai sesuatu yang hodoh dan jelik, *“Perumpamaan orang-orang yang mengambil pelindung-pelindung selain Allah adalah seperti labah-labah yang membuat rumah. Dan sesungguhnya rumah yang paling lemah adalah rumah labah-labah kalau mereka mengetahui.” (al-Ankabūt 29:41).* Ayat lain, *“Maka perumpamaannya seperti anjing jika kamu menghalaunya dijelirkannya lidahnya dan jika kamu membiarkannya dia mengelirkan lidahnya (juga). Demikian itulah perumpamaan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat Kami. Maka ceritakanlah (kepada mereka) kisah-kisah itu agar mereka berfikir.” (al-A'rāf 7:176).* Banyak lagi metafora-metafora yang dikemukakan al-Qur'an seperti perumpaan “lalat” dalam *al-Haj 22:73*, perumpaan “nyamuk” dalam *al-Baqarah 2:26* dan lain-lain lagi supaya manusia berfikir dan mengambil pengajaran.

Demikianlah beberapa “gaya berfikir Qur’ānī”. Kemungkinan sebahagian gaya berfikir yang dinyatakan seolah-olah mempunyai persamaan. Tetapi sekiranya ditatapi dengan lebih mendalam kita akan dapati setiap ayat-ayat Tuhan Yang Maha Bijaksana ada keunikannya yang tersendiri. Hakikatnya, banyak lagi gaya-gaya tersendiri yang mungkin boleh dikategorikan dengan pelbagai nama dan jenama. Sesungguhnya ilmu Allah SWT itu amat luas. Kajian yang lebih terperinci pastinya dapat membuahkan pelbagai penemuan lebih banyak untuk manfaat bersama. *“Dan seandainya pohon-pohon di bumi menjadi pena dan laut (menjadi tinta), ditambahkan kepadanya tujuh laut (lagi) sesudah (kering)nya, nescaya tidak akan habis (dituliskan) kalimat Allah. Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.” (Luqmān 31:27).*

Analisis umum terhadap “gaya berfikir Qur’ānī” memperlihatkan kepada kita bahawa al-Qur’an telah mengajak dan menggalakkan gaya berfikir yang kreatif dan kritis. Sebagai contoh, “berfikir dengan persoalan”, “berfikir dengan objektif”, “berfikir dengan positif”, “berfikir dengan hipotetikal” dan “berfikir dengan rasional” adalah sebahagian daripada pemikiran yang kritis. Ada pun “berfikir dengan persoalan”, “berfikir dengan visual” dan “berfikir dengan metafora” adalah sebahagian daripada pemikiran yang kreatif. Seterusnya pengulangan ayat seumpama “*afala ta’qilun*” (“tidakkah kamu berakal?”) (*al-Baqarah* 2:44, 76; *al-An’ām* 6:32) atau “*afalā tatafakkarūn*” (“tidakkah kamu mahu berfikir?”) (*al-An’ām* 6:50) atau “*afalā tatazakkarūn*” (“tidakkah kamu mahu (insaf) mengambil pelajaran?”) (*al-An’ām* 6:80) dan lain-lain menuntut supaya kita menggunakan akal dan sentiasa berfikir dengan sebaiknya.

## **GAYA BERFIKIR JĀHILĪ**

Masyarakat muslim moden hari ini yang jauh dari panduan Islam mudah terpengaruh dengan gaya berfikir yang dicipta oleh musuh Islam. Sama ada disedari atau tidak. Idea-idea atau isme-isme yang datangnya dari barat apatah lagi yang lahirnya dari cendekiawan yang jelas memusuhi Islam dituruti tanpa sebarang pertimbangan. Inilah sebahagian cara berfikir salah yang tidak menuruti panduan al-Qur’an agar meneliti sesuatu perkara terlebih dahulu sebelum dipersetujui (*al-Hujurat* 49:6). Musuh-musuh Islam tidak diam selepas gagal menguasai dunia atau umat Islam melalui peperangan persenjataan. Bahkan serangan tersebut diteruskan dengan serangan pemikiran. Musuh-musuh Islam mengetahui bahawa umat Islam tidak dapat dikuasai kerana “iman” yang tertanam kukuh di hati mereka. Seorang

ceudekiawan barat menyebutkan: “*Ianya (iman) merupakan kekuatan tersembunyi dalam Islam yang menggerunkan Eropah.*” (Majīdah t.th.: 17).

Menurut kefahaman mereka, keimanan atau kekuatan tersebut hanya boleh digugat atau dirosakkan dengan pemikiran songsang yang menyerap tanpa disedari. Maka lahirlah idea, isme atau doktrin seperti “Sekularisme” iaitu fahaman yang menolak nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan sosial manusia (Kamus Dewan 2007: 1417). Dengan Sekularisme, lahirnya muslim yang beragama pada waktu-waktu tertentu. Menutup aurat atau bertudung ketika ke majlis pernikahan, mengunjungi masjid, ke mahkamah atau ke perkuburan. Seterusnya al-Qur’an tidak diendahkan dan tidak dijadikan rujukan utama dalam urusan kehidupan sama ada urusan pentadbiran, kehakiman, politik dan sebagainya. Bahaya fahaman Sekularisme akan mengakibatkan pemisahan hubungan khalik dan makhluk serta mengakibatkan urusan duniawi manusia hanya diurus oleh manusia saja dan tidak lagi memperdulikan kewujudan Tuhan atau kehidupan akhirat.

Antara fahaman lain ialah Pragmatisme iaitu kepercayaan bahawa kebenaran atau nilai sesuatu teori, ajaran, doktrin dan sebagainya bergantung pada kegunaannya secara praktik (Kamus Dewan 2007: 1229). Pragmatisme melahirkan muslim yang hanya memandangkan manfaat sebagai neraca dalam menilai sesuatu. Tidak lagi mempersoalkan halal atau haram, yang pasti ianya praktikal dan memberi manfaat. Selain itu Pragmatisme melahirkan individu yang malas berfikir kerana hanya menjadikan manfaat sebagai neraca dalam menentukan tindakan dan segala-galanya.

Seterusnya fahaman Hedonisme iaitu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan keseronokan atau kesenangan hidup (Kamus Dewan 2007: 523). Begitu juga *glamorous* atau fahaman Glamorisme iaitu pegangan atau pandangan hidup yang mementingkan kemasyhuran. Hasil dari Hedonisme dan Glamorisme lahirlah manusia yang hanya memikirkan keseronokan dan kemasyhuran tanpa memperdulikan suruhan dan tegahan Tuhan. Keadaan bertambah buruk apabila fahaman di atas ditanam semenjak kecil dengan pelbagai program yang melalaikan.

Secara umum, cara berfikir masyarakat hari ini sama ada golongan remaja atau dewasa telah dan sedang dirosakkan dengan pelbagai ideologi atau fahaman sehinggakan akan terus lahir individu yang malas berfikir. Selain itu, cara hidup yang penuh dengan hiburan yang melalaikan menambahkan lagi permasalahan yang timbul. Oleh itu, perlunya usaha menyedarkan masyarakat dengan usaha-usaha yang boleh difikirkan bermanfaat mengikut tahap dan peringkat. Di antaranya, iaitu diperingkat di institusi pengajian tinggi

awam (IPTA) atau institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) ialah dengan memasukkan atau menerapkan subjek wajib iaitu “Ilmu Mantik” atau “Ilmu Logik” atau “Teknik Berfikir” atau “Pemikiran Kreatif dan Kritis” kepada seluruh para pelajar di setiap fakulti agar setiap para pelajar berkemahiran dan mempunyai pertimbangan sebelum melakukan sesuatu tindakan.

## **GAYA BERFIKIR INSAN TA'DĪBĪ**

Penggunaan istilah “Insan Ta'dībī” dalam artikel ini adalah sebagai sokongan kepada usaha transformasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) ke arah Universiti Ta'dīb. Iaitu universiti yang menjadikan pendidikan sebagai ta'dīb bertujuan melahirkan insan yang baik dan beradab atau dalam istilahnya “Insan Ta'dībī” (Mohd Zaidi 2011: 1). KUIS sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menggunakan nama Islam tidak mahu menjadikan amanah ‘Islam’ tersebut hanya sebagai label promosi, slogan atau jenama untuk menarik kemasukan pelajar. Tetapi KUIS bertujuan untuk melahirkan graduan bersahsiah Islam atau “Insan Ta'dībī” (Lihat: KUIS 2011).

Justeru, KUIS sebagai institusi pengajian tinggi Islam berperanan dalam usaha melahirkan insan ta'dībī. Insan ta'dībī yang dikukuhkan kefahaman tentang Islam *as Core*, iaitu pemahaman, pengetahuan dan amalan yang menyeluruh serta bersepadu mengikut ajaran Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Seterusnya insan ta'dībī dapat dilahirkan apabila insan telah mengenali Tuhan yang menjadikan, mengetahui hakikat kejadian, fungsi dan peranan, asal usul dan matlamat utama kehidupan serta pengakhiran kehidupan yang akan berakhir dengan kebahagiaan atau kecelakaan yang berkekalan. (Lihat: KUIS 2011). Dengan lahirnya insan ta'dībī, tiada lagi yang dapat digusarkan berlaku kepada muda-mudi hari ini. Ini kerana insan ta'dībī sentiasa berada dalam makam ihsan dan merasakan bahawa mereka sentiasa berada di bawah pengawasan Tuhan.

Dalam melahirkan gaya berfikir insan ta'dībī, al-Qur'an sebagai rujukan utama umat Islam mengingatkan supaya tidak mengikuti sesuatu yang tidak berasaskan ilmu yang sahih dan mampu memberikan kefahaman yang jelas. Keperluan untuk mendapatkan pengetahuan yang sahih dan jelas adalah tuntutan agama Islam yang akan dipersoalkan di akhirat kelak. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawabannya.”* (al-Isrā' 17:36). Berdasarkan ayat ini dan lainnya dapat kita fahami bahawa Islam amat memandang penting kedudukan akal dan



pemikiran yang membawa kepada kefahaman dan pegangan yang sahih. (al-Maydānī 2004: 11).

Sekiranya kita melihat dalam karya ulama silam dan tradisi mereka, kita pasti akan mendapati bahawa mereka mengambil penting terhadap pembentukan dan pembangunan pemikiran. Perkara tersebut jelas dilihat dalam pembelajaran subjek atau mata pelajaran Ilmu Akidah. Dimana para ulama terlebih dahulu mendedahkan tentang hukum akal atau rasional dan '*Ilm al-Mantiq* atau ilmu logika sebagai prasyarat sebelum membahaskan sesuatu dengan lebih mendalam. Tujuan pembelajaran Ilmu Mantik sebagaimana dinyatakan oleh cendekiawan Islam ialah mengasuh kemampuan akal dan menyuburkannya dengan latihan serta melatihnya dengan kaedah-kaedah berfikir supaya berkemampuan menilai kebenaran dan kebatilan. (al-Ibrāhīmī 2004: 6).

Dalam pengajian Ilmu Fiqah, para ulama meletakkan '*Ilm Uṣul al-Fiqh* (i.i. suatu ilmu yang membicarakan kaedah-kaedah yang dijadikan perantaraan untuk mengeluarkan hukum-hukum syarak yang praktikal dari dalil-dalil tafsili.) ('Abd al-Ḥay 2003: 12) dan '*Ilm Qawā'id al-Fiqh* (i.i. perkara yang dipraktikkan daripada perkara pokok kemudian dipraktikkan terhadap perkara furuk atau pecahan.) ('Abd Al-'Azīz 2005: 12) sebagai prasyarat sebelum memahami *maqāsid* atau tujuan disebalik sesuatu hukum dan kaedah perletakan sesebuah hukum. Ilmu *Uṣul al-Fiqh* dan *Qawā'id al-Fiqh* yang bersifat logikal ini amat penting bagi para fuqaha untuk berinteraksi dengan nas-nas syarak daripada al-Qur'an dan al-Hadis. Menurut disiplin para fuqaha, tanpa pengetahuan tentang *Uṣul al-Fiqh* dan *Qawā'id al-Fiqh* maka tiada kelayakan seseorang itu untuk memperkatakan soal hukum.

Bagi membentuk "gaya berfikir insan ta'dībī" atau gaya berfikir insan cemerlang yang diidamkan, penulis melihat perlunya penerapan mata pelajaran seperti "Ilmu Mantik" atau "Teknik Berfikir" atau "Pemikiran Kreatif dan Kritis" untuk seluruh para pelajar di setiap fakulti pengajian. Ini kerana ilmu atau pengetahuan seumpama ini mampu mendorong mereka untuk menguji kebenaran sesuatu permasalahan agar tidak membentuk keputusan yang salah selain berkeupayaan memproses maklumat dan bakal menghasilkan pemikiran atau penemuan yang baru, asli dan kreatif (Yahya Buntat & Norhusna Mohamed. t.th.). Berdasarkan kepada pemerhatian awal penulis, sama ada di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) atau institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini, subjek-subjek seumpama "Ilmu Mantik" atau "Teknik Berfikir" atau "Pemikiran Kreatif dan Kritis" adalah subjek eksklusif kepada para pelajar di Fakulti Pengajian Islam atau lebih eksklusif lagi hanya kepada para pelajar di Jabatan Usuluddin.

## KESIMPULAN

Islam merupakan agama yang memberikan kedudukan istimewa kepada akal. Dalam al-Qur'an banyak ayat-ayat yang memerintahkan penggunaan akal dengan sebaiknya. Lafaz-lafaz "*tafakkur*", "*nazar*", "*tabaṣṣur*" dan sebagainya lagi diulang-ulang dalam usaha membimbing akal manusia. Firman Allah SWT yang bermaksud: "*Demikianlah Allah menerangkan kepadamu ayat-ayatNya (hukum-hukumNya) supaya kamu memikirkannya (memahaminya).*" (*al-Baqarah* 2:242). Dalam tradisi pembelajaran Islam, para ulama turut menyusun ilmu-ilmu seperti Ilmu Mantik dan Ilmu Usul Fikah sebagai pra syarat untuk melahirkan gaya berfikir baik bagi menatijahkan kesimpulan yang tepat. Kerana hanya dengan teknik dan gaya berfikir yang tepat akan melahirkan manusia dengan tindakan yang tepat.

Individu muslim hari ini dengan kelalaian diri sendiri telah dan sedang dirosakkan oleh musuh Islam dengan isme atau doktrin seperti Sekularisme, Pragmatisme, Hedonisme, Glamorisme dan sebagainya. Secara umumnya, kesemua ideologi ini merosakkan cara berfikir umat Islam dan menyebabkan mereka malas berfikir apatah lagi berfikir secara kritis dan kreatif. Keadaan persekitaran seperti gaya kehidupan, media massa, hiburan dan tidak terkecuali pendidikan dilihat tidak begitu membantu untuk menangkis apatah lagi mengawal individu masyarakat terutama muda mudi hari ini dalam berhadapan dengan cabaran kehidupan semasa yang begitu mencabar.

Antara usaha menjaga dan memelihara masyarakat daripada terpesong ke jalan yang salah, negatif atau sesat ialah dengan memastikan bahawa mereka berkeupayaan berfikir dengan baik dan sihat. Pengulangan persoalan al-Qur'an seperti "tidakkah kamu berakal?" (*al-Baqarah* 2:44, 76; *al-An'ām* 6:32), "tidakkah kamu mahu berfikir?" (*al-An'ām* 6:50) dan "tidakkah kamu mahu (insaf) mengambil pelajaran?" (*al-An'ām* 6:80) mengisyaratkan manusia supaya sering menggunakan akal, berfikir dan membuat pertimbangan dengan sebaiknya. Kerana sesungguhnya akal adalah anggota terpenting dalam tubuh manusia yang mampu memandu manusia untuk mengenal pasti kebenaran dan kesesatan.

Justeru, bagi membina atau membentuk "insan ta'dībī" memerlukan kepada "gaya berfikir insan ta'dībī" dengan penerapan mata pelajaran seperti "Ilmu Mantik" atau "Teknik Berfikir" atau "Pemikiran Kreatif dan Kritis" untuk seluruh para pelajar di setiap fakulti pengajian. Sesungguhnya kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif mampu mendorong "insan ta'dībī" dalam menganalisa sesuatu permasalahan agar tidak membentuk keputusan

yang salah. Seterusnya “insan ta’dībī” yang berfikiran kritis dan kreatif berkeupayaan memproses maklumat seterusnya menghasilkan pemikiran atau penemuan yang baru, asli dan kreatif.

## RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Azīz Muḥammad Azzām. 1426H/2005M. *Al-Qawā’id al-Fiqhiyyah*. Al-Qāhirah: Dār al-Hadīs.
- ‘Abd al-Ḥay ‘Azib ‘Abd al-‘Aāl. 2003. *Uṣul al-Fiqh al-Islāmiy*. Edisi ke-3. t.tp.: t.pt.
- Al-Ibrāhīmī, Muḥammad Nūr. 1425H/2004M. *‘Ilm al-Mantiq*. Edisi ke-5. Surabaya: Makatabah Sa’d bin Nasir Nabhan.
- Al-Maydānī, ‘Abd al-Raḥman Ḥassan Habannakah. 1425H/2004M. *Dhawābit al-Ma‘rifah wa Uṣul al-Istidlāl wa al-Munāzarah*. Edisi ke-7. Dimasyq: Dār al-Qalam.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). 2007. *Kamus Dewan*. Edisi ke- 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamal Badi & Mustafa Tajdin. 2009. *Creative Thinking: An Islamic Perspective*. 2<sup>nd</sup> Edition. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). 2011. *Ringkasan Eksekutif Transformation of KUIS* [PDF]. Bangi: KUIS.
- Majīdah Muḥammad & Sahir Muḥammad. t.th. *Aḍwā’ ‘alā al-Tayyarāt al-Mu‘āsirah*. Al-Qāhirah: Kulliyah al-Dirāsāt al-Islamiyyah wa al-Arabiyyah.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid, Sanitah Mohd. Yusuf, Esa Khalid & Othman A. Kassim. t.th. *Kreativiti, Inovasi Dan Inovasi: Suatu Cadangan Matapelajaran Pada Peringkat Sekolah Menengah*. Johor: Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Zaidi Ismail. 2011. *Faham Ilmu Dalam Proses Ta’dīb*. Kertas Kerja Wacana Ta’dīb KUIS 2011. Anjuran program Wacana Ta’dīb Kakitangan Akademik, KUIS, 25 Mei.
- Yahya Buntat & Norhusna Mohamed. t.th. *Aplikasi Pemikiran Kreatif Dan Kritis Dalam Pengajaran Guru-Guru Teknikal Bagi Mata Pelajaran Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Di Negeri Johor*. Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.